

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAN TINDAKAN INOVASI BIL. 1/2018

Tarikh : 14 Mac 2018
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Pengerusi : Hj. Nishad Mohamed bin Hj. C.J Mohd. Shaffy
Kehadiran : Seperti di Lampiran 1

1.0 UCAPAN ALUAN

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua wakil setiap bahagian ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Inovasi Bil. 1/2018.

Pengerusi memaklumkan tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan perancangan bagi Pelan Tindakan Inovasi Tahun 2018.

2.0 PEMBENTANGAN URUSETIA

2.1 Pelan Tindakan Inovasi 2018

- a. Hari Inovasi JPS 2018
Sambutan Hari Inovasi dijadualkan pada 25 Oktober 2018 tempat pihak penganjur masih lagi belum membuat keputusan.
Tempoh Penilaian adalah bermula dari bulan Mac hingga 28 September 2018.
Laporan PTI 2018 perlu dihantar secara online melalui system inovasi di dalam Infoportal JPS mulai 1 Mac 2018 hingga 28 September 2018.
- b. Garis Panduan
Edaran garis panduan ke semua pejabat mengenai Anugerah Pertandingan sempena Hari Inovasi akan diedarkan pada 16 April 2018 bagi kategori berikut;
 - i. JPS Goes Green
 - ii. Pengiktirafan Pembudayaan ICT
 - iii. Ikon ICT
 - iv. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
- c. Anugerah Khas dan Kreativiti
Penyertaan terbuka kepada individu dan kumpulan tarikh tutup adalah pada 28 September 2018 dan garis panduan pertandingan akan diedarkan pada 16 April 2018.
- d. Pertandingan KIK
Penyertaan peringkat negeri adalah di**WAJIB**kan, borang penyertaan dan garis panduan akan diedarkan pada 16 April 2018. Pertandingan dijadualkan pada 19 – 20 September 2018.

Makluman

2.2 Perancangan PTI 2018 JPSWPKL

Perancangan dan pelan tindakan PTI peringkat JPSWPKL dibentangkan oleh Puan Asra Wahida binti Mohd Abas seperti dilampirkan.

2.2.1 Perlantikan Pasukan Petugas dan wakil bahagian/pejabat

Perlantikan Pasukan Petugas dari setiap bahagian mengikut inisiatif juga telah dilantik dengan persetujuan mesyuarat.

Inisiatif No. 1: Komitmen Pengurusan Atasan

Ketua: Puan Asra Wahida binti Mohd Abas

Bahagian / Pejabat: Korporat

Inisiatif No. 2: Pusat Sumber Inovasi

Ketua: En. Mohamad Hafiz bin Noor Azmi

Bahagian / Pejabat: RTB

Inisiatif No. 3: Penandaarasan/Perekayasaan

Ketua: En. Amiruldin bin Alaldin

Bahagian / Pejabat: SMART

Inisiatif No. 4: Pengurusan Idea

Ketua: Puan Juliana binti Abdullah

Bahagian / Pejabat: Zon Utara

Inisiatif No. 5: Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat

Ketua: Puan Rozaidatul Rahizah binti Azman

Bahagian / Pejabat: BKP

Inisiatif No. 6: Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Ketua: Ybhg. Dato' Gapar bin Asan

Bahagian / Pejabat: PLSK

Inisiatif No. 7: Hari Inovasi Negeri

Ketua: Puan Asra Wahida binti Mohd Abas

Bahagian / Pejabat: Korporat

Untuk Tindakan SEMUA

2.2.2 Perancangan Aktiviti Inovasi

Inisiatif No. 1: Komitmen Pengurusan Atasan

- a. Mesyuarat bersetuju supaya mesyuarat Pelan Tindakan Inovasi tahun 2018 akan diadakan sebanyak 3 kali seperti berikut;

Mesyuarat Bil. 1	-	14 Mac 2018 (Rabu)
Mesyuarat Bil. 2	-	06 Jun 2018 (Rabu)
Mesyuarat Bil. 3	-	01 Ogos 2018 (Rabu)

- b. Program Lawatan Inovasi tahun 2018

Mesyuarat bersetuju untuk mengadakan lawatan sebagai pengisian aktiviti inovasi seperti di tempat-tempat berikut;

- i. River Cruise Sg. Melaka - Cadangan tarikh : 25 Mac 2018
Diketuai oleh: Puan Asra Wahida
Bilangan ahli 5 orang
- ii. Sistem Pam ADASFA di Kelantan - Cadangan tarikh: 17 Mei 2018
Diketuai oleh: En. Mohamad Hafiz
- iii. Projek Barrage Sg. Muda Kedah dan Kilang OKC
- Cadangan tarikh:
Diketuai oleh: En. Raizi
- iv. Pump Gate di Port Klang - Cadangan tarikh: akan ditetapkan
Diketuai oleh: Timbalan Pengarah
- v. Projek MRT Lembah Klang - Cadangan tarikh: akan ditetapkan
Diketuai oleh: En. Mohd Zambri
- vi. Hume Bebo Arch di Branang, Negeri Sembilan dan Projek PULAPOL - Cadangan tarikh: 11 April 2018
Diketuai oleh: En. Mohamad Hafiz

Untuk Tindakan SEMUA

- c. Program Perkongsian Ilmu (*Technical Talk*)

- i. UNMasking - Cadangan tarikh: akan ditetapkan kemudian
Diketuai oleh: BKP
- ii. Taklimat bagi penggunaan Sistem CIPAA -
Cadangan tarikh: akan ditetapkan kemudian
Diketuai oleh: BUB
- iii. Taklimat Teknikal bagi MRT Tunelling & Project Management -
Cadangan tarikh: akan ditetapkan kemudian
Diketuai oleh: Zon Selatan
- iv. Lembaga Urus Air Selangor - Cadangan tarikh: akan ditetapkan kemudian
Diketuai oleh: Korporat

Untuk Tindakan SEMUA

2.2.3 Inisiatif No. 2: Pusat Sumber Inovasi

Mesyuarat bersetuju untuk melantik Bahagian Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sebagai ketua petugas bagi inisiatif ini supaya sasaran sumbangan bagi inisiatif ini adalah sebanyak 5 sumbangan idea/tahun samaada dalam bentuk video artikel, website, keratan akhbar dan seumpamanya. Setiap Bahagian dan Pejabat Operasi perlu mengemukakan sekurang-kurangnya 1 sumbangan. Semua sumbangan video, artikel, website, keratan akhbar dan seumpamanya hendaklah dimuatnaikkan ke ruangan Inovasi yang terdapat di dalam laman web Info Portal JPS Malaysia.

Untuk Tindakan RTB

2.2.4 Inisiatif No. 3: Penandaarasan atau Perekayasaan

Mesyuarat bersetuju untuk melantik Pejabat Pengurusan SMART sebagai ketua petugas bagi inisiatif ini. Memandangkan pihak SMART juga mempunyai jawatankuasa pelan tindakan inovasi yang aktif dan berpengalaman dalam penandaarasan dan perekayasaan. Laporan setiap proses perlu berserta dokumen sokongan.

Untuk Tindakan SMART

2.2.5 Inisiatif No. 4: Pengurusan Idea

Mesyuarat bersetuju untuk melantik Bahagian Zon Utara sebagai ketua petugas untuk insiatif ini bagi mengumpul idea-idea dari pegawai dan staf sokongan JPSWPKL dan pejabat operasi yang boleh dijadikan sebagai inovasi. Borang bagi pengurusan idea inovasi akan diedarkan melalui email ke setiap bahagian untuk diambil tindakan.

Pasukan petugas perlu mengumpul sekurang-kurangnya 7 idea sebelum mesyuarat akan datang.

Untuk Tindakan ZON UTARA

2.2.6 Inisiatif No. 5: Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat

i. Laman Web JPSWPKL

Mesyuarat bersetuju untuk melantik Bahagian Khidmat Pengurusan sebagai ketua petugas bagi inisiatif ini, memandangkan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang bertanggungjawab untuk mengemaskini Laman Web JPSWPKL. Pengerusi mengarahkan supaya setiap bahagian perlu mengemaskini aktiviti dan maklumat terkini 2 minggu sekali kepada En.Ridzuan bin Mohd Haluwi bagi tujuan memasukkan ke dalam Laman Web JPSWPKL mengikut format seperti berikut;

- i. Slide Presentations perkongsian ilmu - PDF
- ii. Maklumat Bahagian – Microsoft Words
- iii. Gambar Aktiviti Pejabat – JPEG / PDF
- iv. Gambar Hari Inovasi – JPEG / PDF

ii. Laman Facebook JPSWPKL

En. Hamidi akan menambah peranan '*page role*' dari setiap bahagian bagi membolehkan pegawai dari bahagian berkenaan mencapai target 20 likes bagi setiap posting.

iii. Papan Kenyataan Jabatan

Pengerusi menyarankan supaya papan kenyataan jabatan diberikan nafas baru dengan memperbanyakkan lagi persembahan berbentuk grafik bagi menarik perhatian serta minat pelanggan untuk membaca dan melihat aktiviti yang dijalankan di JPSWPKL, saranan ini juga perlu diselaraskan di Laman Web Jabatan dan *Facebook* Jabatan.

Untuk Tindakan BKP

2.2.7 Inisiatif No. 6: Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Mesyuarat bersetuju untuk melantik Pejabat Pengurusan Lembangan Sungai Klang (PLSK) sebagai ketua petugas bagi inisiatif ini.

Pengerusi meminta supaya setiap Bahagian termasuk SMART turut serta untuk mengambil bahagian dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif ini dengan berkongsi idea untuk menghasilkan produk inovatif.

Untuk Tindakan PLSK

2.2.8 Inisiatif No. 7: Hari Inovasi Negeri

Mesyuarat dimaklumkan Hari Inovasi JPSWPKL dijadualkan pada awal bulan Ogos 2018. Walaubagaimanapun, tarikh ini akan dimuktamadkan kemudian dan semua anugerah beserta insentif yang dicapai oleh JPSWPKL akan disampaikan pada hari inovasi JPSWPKL 2018 yang akan dianjurkan oleh pihak BKOR.

Untuk Tindakan BKOR

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1 ANUGERAH JPS GOES GREEN

Mesyuarat bersetuju untuk mencalonkan Pejabat SMART bagi menyertai JPS GOES GREEN memandangkan persekitaran pejabat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak BAP iaitu penilaian kategori pertandingan ini yang memerlukan kombinasi penilaian pejabat pentadbiran dan stesen rumah pam/pintu air.

Garis panduan pertandingan JPS GOES GREEN bagi tahun 2018 akan dipanjangkan melalui email kepada pihak Pejabatat SMART, PLSK serta Bahagian M&E JPSWPKL.

Untuk Tindakan SMART

4.0 **PENUTUP**

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan Oleh

Disemak Oleh

(ROZILA ABDUL RAUF)

Pencatat Minit

(ASRA WAHIDA BINTI MOHD ABAS)

Penyelaras Inovasi

Diluluskan Oleh

(HJ. NISHAD MOHAMED BIN HJ. C.J MOHD. SHAFFY)

Pengarah JPS Kuala Lumpur

Lampiran 1

- | | |
|--|------------------------|
| 1. HJ. NISHAD MOHAMED BIN HJ. C.J MOHD. SHAFFY | Pengerusi |
| 2. TN. HJ. MOHAMAD NAZIF BIN DAUD | Timbalan Pengarah |
| 3. PN. JULIANA BINTI ABDULLAH | Zon Utara |
| 4. EN. AMIL HAMJA BIN ALI HUSSIN | Mekanikal & Elektrikal |
| 5. EN. SUGANTHRA VELU A/L MANIAM | SMART |
| 6. PN. ASRA WAHIDA BINTI MOHD ABAS | Korporat (Urusetia) |
| 7. PN. ROKIAH BINTI HASANI | Unit ROL |
| 8. PN. SARINA BINTI MOHD ALI | Zon Selatan |
| 9. EN. KHAIRUL NIZAM BIN MAT YANI | Ukur Bahan & Kontrak |
| 10. EN. MOHD LUTFI AMIR BIN ANWAR | Hidrologi & Sumber Air |
| 11. CIK AZWANI BINTI ARSAD | Khidmat Pengurusan |
| 12. PN. SITI NABILAH BINTI MOHD HARIS | PLSK |
| 13. PN. ROZILA BINTI ABDUL RAUF | Korporat (Urusetia) |
| 14. EN. RAIZI BIN SAAD | Korporat (Urusetia) |